

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/1979**

=====

PUNGUTAN HASIL TANAH

Di dalam Majlis Persidangan Pegawai-Pegawai Daerah pada 25 dan 26hb Disember 1978 soal Pungutan Hasil Tanah telah berbangkit dimana telah dijelaskan bahawa kutipan-kutipan yang dibuat di daerah-daerah adalah sangat merosot sehingga ada tempat-tempat yang tidak dapat mengutip hingga 50%. Majlis telah diminta mengambil tindakan tegas mengutip hasil dan segala tunggakkan.

2. Kutipan Hasil Tanah telah diwajibkan oleh Seksyen 94 Kanun Tanah Negara bermula dari awal tahun dan menjadi tunggakkan pada 1 haribulan Jun tahun itu . kutipan Hasil adalah salah satu tugas penting bagi Pemungut Hasil Tanah.

3. Pemilik-pemilik tanah boleh diingatkan melalui radio sebagaimana membaharui lesen radio diingatkan. Pegawai-Pegawai Penerangan boleh diminta memberi kerjasama menghebahkan hari kutipan hasil dan jadual-jadual kutipan hasil di mukim Mukim jika ada.

4. Surat-surat pemberitahu untuk ditampalkan juga boleh ditampalkan di Balai-Balai Raya, Masjid-Masjid dan Surau-Surau dan lain-lain.

5. Bagi tunggakkan hasil, dua jalan boleh diambil (a) tuntutan di Mahkamah yang memakan masa yang lama dan tidak digalakkan melainkan jumlahnya besar dan (b) tuntutan cara mengeluarkan satu 'Notis Tuntutan' atas Borang 6A di bawah Seksyen 97. Setelah notis itu diserahkan maka satu catitan hendaklah dibuat di atas dokumen Daftar Hakmilik di bawah Seksyen 97(2).

6. Jika tidak dibayar jumlah wang yang dituntut di bawah Seksyen 97 di dalam tempoh yang ditentukan , maka di bawah Seksyen 100 Pemungut Hasil Tanah hendaklah membuat perintah melucutkan hak pemilik di atas tanah berkenaan kembali kepada Kerajaan. Seterusnya Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengambil tindakan di bawah Seksyen 130-134.

7. Semua bukti penyerahan hendaklah disimpan untuk tindakan dan semakan. Diharap semua Pemungut Hasil Tanah-Pemungut Hasil Tanah dapat memberi perhatian yang rapi di atas perkara ini supaya semua hasil tanah dapat dikutip dengan sepenuhnya supaya terhindar daripada tuduhan-tuduhan Pejabat Tanah lembab mengutip hasil.

T.T
(DATUK RAJA BRIMA SULONG BIN RAJA ROME)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. 32 PT. 2(23)

SHAH ALAM
8HB JUN 1979